

Pendekatan Terapi Ruqyah Dalam Ilmu Perubatan Melayu Tradisional. Kajian Terhadap Kitab *Mujarrobat al-Fawa'id*

Juriah Mohd Amin

Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara, Kampus Seri Iskandar, Perak juria876@perak.uitm.edu.my

PM Dr. Huzaimah Ismail

Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara Shah Alam
huzaimah@salam.uitm.edu.my

ABSTRAK

Ruqyah merupakan doa atau bacaan tertentu bertujuan memohon perlindungan daripada Allah atau untuk menyembuhkan penyakit. Kaedah ruqyah diamalkan oleh umat Islam alam Melayu sejak mereka menerima Islam. Kitab-kitab Tib pula adalah kitab-kitab berkenaan aspek perubatan Melayu tradisional. Ia sama ada kitab terjemahan dari bahasa Arab atau kitab asal. Kitab-kitab ini biasanya ditulis menggunakan tulisan jawi dan bahasa Melayu klasik. Sejajar dengan kesan kedatangan Islam ke alam Melayu, kitab-kitab ini telah diterbitkan dan telah menjadi asas kepada perkembangan terapi ruqyah di alam Melayu. Artikel ini bertujuan untuk mengenalpasti kandungan kitab tib *Mujarrobat al-Fawa'id fi al-Solah wa al-Awa'id* berhubung dengan terapi ruqyah. Kajian ini menggunakan metod historikal dan dokumentasi bagi mendapatkan data-data. Hasil kajian ini menunjukkan pentingnya kitab-kitab ini terus dipelihara sebagai salah satu khazanah bangsa.

Key Words: kitab tib, ruqyah, kitab *mujarrobat al-fawa'id*, azimat dan tangkal.

PENGENALAN

Tidak terdapat persetujuan di kalangan pengkaji, baik di Barat mahupun di Timur tentang tarikh awal kedatangan Islam ke Alam Melayu. Pihak orientalis lebih cenderung kepada melewati tarikh kedatangan Islam ke rantau ini sementara sarjana muslim khususnya dari kawasan Alam Melayu adalah sebaliknya. Ada yang mengatakan pada abad ke 9 Masihi, ke lapan Masihi dan ada pula yang mengatakan lebih awal iaitu sejak abad ke tujuh Masihi. Walau bagaimanapun, antara kesan kedatangan Islam ke alam Melayu ialah berlakunya penerbitan kitab-kitab berkenaan ruqyah. Ruqyah bermaksud doa atau bacaan tertentu bertujuan memohon perlindungan daripada Allah atau bertujuan menyembuhkan penyakit. Pengamalan ruqyah di alam Melayu semakin berkembang dengan penerbitan kitab-kitab tib ini. Penerbitan ini merangkumi karya asli dan juga karya terjemahan. Dalam membincangkan kandungan kitab ini, penulis tidak membincangkannya secara total. Sebaliknya penulis hanya akan menyentuh tentang kandungan yang berkaitan dengan kaedah pengubatan secara ruqyah sahaja.

TERMINOLOGI RUQYAH

Dari sudut etimologi, perkataan *ruqyah* berasal dari perkataan Arab *raqa* (رقى) dan *ruqyah* (رقية) adalah katanama ramai (جمع) yang sinonim dengan *al-audzah* (العوذة) atau *al-ta'awudz* (التعاوذ) yang bermaksud doa atau bacaan perlindungan (Ibrahim Mustafa et al, t.t). Dalam bahasa Inggeris, ruqyah disebut *incantation*. Ruqyah dari sudut bahasa membawa

maksud sesuatu yang dibacakan berupa jampi atau mantera tanpa mengira bahasa, lafaz dan kandungannya, sama ada ianya berunsur syirik ataupun menepati syarak (Abang Suffri Mahmud bin Abang Usop, 2015).

Dari sudut istilah, ruqyah ialah bacaan surah-surah tertentu sebagai rawatan penyakit (Muhammad Muhsin Khan, t.t). Ruqyah juga ditakrifkan sebagai penawar yang dijadikan pelindung atau benteng diri seseorang supaya tidak ditimpa penyakit (Ibn Faris (1999).

PENGARANG KITAB *MUJARRABAT AL-FAWA'ID FI AL-SOLAH WA AL-A'WA'ID*.

Kitab *Mujarrabat al-Fawa'id fi al-Solat wa al-A'waid* dikarang oleh seorang ulama tersohor iaitu Sayyid Ahmad bin Muhammad. Nama penuhnya ialah Sayyid Ahmad bin Muhammad bin Hussein bin Mustafa bin Shaykh bin Muhammad Mustafa bin Ali Zainal Abidin bin Abdullah bin Shaykh bin Abdullah bin Shaykh bin Abdullah Al-Aydarus bin Abu Bakar bin Abdul Rahman As Saggaf bin Muhammad Maula Dawilah bin Ali bin Alawi bin Muhammad Al-Faqeh Muqaddam bin Ali bin Muhammad Sohob Mirbath bin Ali Khali' Qasam bin Alawi bin Muhammad bin Alawi bin Ubaidillah bin Ahmad Al-Muhajir ilallah bin Isa Ar-Rumi bin Muhammad Al-Naqib bin Ali Uraid bin Ja'far As-Sadik bin Muhammad Al-Baqir bin Ali Zainal Abidin bin Sayyidina Husin. Beliau seorang ulama Terengganu tersohor dan banyak mengarang kitab-kitab agama sama ada dalam bahasa Melayu atau Arab. Beliau meninggal dunia di Cabang Tiga, Kuala Terengganu pada tahun 1315H/1897M dan dikuburkan di Kampung Kubang Buyung, Kuala Terengganu.

Menurut Wan Saghir dan Adel Muhammad Abdul Aziz serta Syed Ahmad Tarmizi, kitab ini selesai ditulis pada 20 Safar 1265H/1848M. Tulisan tangan aslinya ada pada penulisnya sewaktu beliau ke Mekah menyerahkan karyanya kepada Syekh Muhammad bin Ismail al-Fatani untuk disemak. Setelah Syekh Ahmad bergiat mentashih kitab-kitab di Mekah lalu Syekh Nik Mat Kechik al-Fatani menyerahkannya pula kepada Syekh Ahmad al-Fatani. Justeru di halaman muka depan terdapat pengakuan "telah ditashih" oleh ulama Patani ini. Kitab ini pernah dicetak beberapa kali oleh Matba'ah al-Miriyah, Mekah atas usaha Syekh Ahmad al-Fatani tersebut. Manuskrip berupa salinan semula terdapat dua buah di Pejabat Am Pusat Islam dengan nombor kelas M1 153 dan M1 198. Namun kedua-dua manuskrip itu adalah tidak lengkap (Wan Mohd Saghir Abdullah, 1410H: 23, Adel Muhammad Abdul Aziz dan Syed Ahmad Tarmizi Syed Omar, 2006: 36). Kitab ini merupakan karya terjemahan dari kitab bahasa Arab dan diselitkan dengan komentar atau pemikiran pengarang (Adel Muhammad Abdul Aziz dan Syed Ahmad Tarmizi Syed Omar, 2006: 36.) Naskhah yang menjadi rujukan penulis ialah yang diterbitkan semula oleh Khazanah al-Fataniyah pada tahun 2004.

Kitab ini merupakan sebuah kitab perubatan kerana merujuk kepada catatan pengarangnya yang mengatakan terdapat terdapat bahagian-bahagian di dalam kitab tersebut yang berkaitan dengan penjagaan kesihatan dan pengubatan penyakit; meskipun kandungannya turut mengandungi ilmu bukan perubatan yang sama banyak dengan ilmu perubatan (Mohd Affandi bin Mohd Shafri, 2013:143).

RAWATAN TERAPI RUQYAH MENURUT KITAB *MUJARRABAT AL-FAWA'ID FI AL-SOLAT WA AL-A'WA'ID*.

Sebelum membincangkan tentang tentang penyakit dan cara ubatannya, pengarang ada menceritakan tentang kelebihan surah al-Fatihah. Salah satu daripada nama selain al-Fatihah ialah *al-Ruqyah*. Pengarang membawa satu dalil daripada hadis yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim :

وما يدريك انهما رقية

Maksudnya:

"Adakah kamu mengetahui ia adalah jampi yang amat besar."



Di samping itu, jika dibaca al-Fatihah dan dihembus pada air yang bersih dan diminum oleh orang yang sakit, insyaAllah pesakit akan sembuh dengan izin Allah Taala. Jika dibaca al-Fatihah pada gigi yang sakit juga, insyaAllah akan hilang rasa sakit (Al-Sayyid Ahmad bin Sayyid Muhammad, 2004: 10)

Selain membincangkan tentang kelebihan surah-surah tertentu, kitab ini membincangkan ruqyah beberapa penyakit tertentu yang dapat diringkaskan sebagaimana berikut:

Table 3 Terapi Ruqyah Berdasarkan Kitab *Mujarrabat al-Fawa'id*

Khasiat/Penyakit	Ayat Al-Quran atau Doa	Teknik
Ubat kepada 100 penyakit seperti <i>jazam</i> (pecah belah), <i>baros</i> (sopak) dan Penyakit <i>falij</i> (mati sebelah tubuh).	<ol style="list-style-type: none"> 1. بسم الله الرحمن الرحيم الم ذلك الكتب واولئك هم المفلحون - البقرة : 1 2. الله لا اله الا.... وهو العلى العظيم- البقرة : 255 3. لا اكره فى الدين هم فيها خالدون - البقرة : 257 - 256 4. لله ما فى السموات على القوم الكافرين - البقرة : 284 - 286 5. ان ربكم الله الذى قريب من المحسنين - الاعراف : 56 - 57 6. قل ادعوا الله او ادعوا وكبره تكبيرا - الاسراء : 110 - 111 7. بسم الله الرحمن الرحيم والصفات صفا من طين لازب - الصفات : 1 - 11 8. يا معشر الجن والانس فلا تنتصرون - الرحمن : 35 - 33 9. لو انزلنا هذا القران وهو العزيز الحكيم - الحشر : 21 - 24 10. وانه تعالى جد ربنا على الله شططا - الجن : 3 - 4 	Dibaca pada si sakit.
Merawat kemandulan.	<ol style="list-style-type: none"> 1. بسم الله الرحمن الرحيم كهيعص ذكر رحمة ربك واجعله رب رضيا - مريم : 1 - 6 2. يا ايها الناس اتقوا كان عليكم رقيبا - النساء : 1 	Tulis pada bekas bersih dan satukan dengan air hujan dan diminum oleh mereka yang inginkan anak. Dibuat selama 7 hari. Tulis ayat atas sepotong halwa pada waktu tengah malam jumaat di tempat yang tidak dilihat orang melainkan Allah. Kemudian dimakan oleh pasangan yang tiada anak sebelum mereka melakukan jimak. Dilakukan 3 kali jumaat berturut-turut.



<p>Memelihara kandungan daripada keguguran dan segala perkara yang membahayakan serta daripada `ain dan lainnya.</p>	<p>اذ قالت امرأة عمران رب اني نذرت لك ان الله يرزق من يشاء بغير حساب - ال عمران : 35</p>	<p>Tulis ayat dengan air mawar dan koma-koma pada kulit kijang dan digantung pada punggung* wanita yang hamil, nescaya selamat dari segala bahaya ke atas wanita dan anak dalam kandungan.</p>
<p>Bagi kanak-kanak yang gemar menangis.</p>		<p>Atau ditulis ayat dan digantungkan pada leher kanak-kanak, nescaya terpelihara daripada menangis, ketakutan dan sebagainya. Kanak-kanak itu akan membesar dalam keadaan sentiasa mendapat berkat, insyaAllah.</p>
<p>Memelihara daripada keguguran</p>	<p>بسم الله الرحمن الرحيم اولم يرى الذين كفروا كل شيء حى أفلا يؤمنون - الانبياء : 30</p> <p>ولقد اتينا ابراهيم رشده من قبل وكنا به عالمين - الانبياء : 51</p> <p>ووهبنا له اسحق ويعقوب نافلة و كلاً جعلنا صالحين - الانبياء : 72</p> <p>وايوب اذ نادى ربه اني مسنى الضر وانت ارحم الراحمين - الانبياء : 83</p> <p>فاستجبنا له فكشفنا ما به ... وذكرى للعابدين - الانبياء : 84</p> <p>وذكريا اذ نادى ربه ربي لا تذرني فردا ... وجعلنا وابنها اية للعالمين - الانبياء : 89</p>	<p>Tuliskan semua ayat itu pada bekas yang bersih dan disatukan dengan air serta diminum oleh wanita yang sering keguguran.</p>
<p>Lelaki yang tidak boleh bersetubuh dengan isterinya akibat daripada sihir.</p>	<p>Untuk suami ditulis: - والسمأ بنيناها بأيد وانا لموسعون الذاريات : 47</p> <p>Untuk isteri ditulis: - والارض فرشناها فنعم الماهدون الذاريات : 48</p> <p>-</p>	<p>Diceritakan oleh al-Hassan al-Basri: 2 biji telur dibakar, dibuang kulitnya dan ditulis di atas telur ayat al-Quran yang berbeza lalu di makan oleh kedua-dua suami isteri .</p>
		<p>Tulis surah لم يكن الذى hingga akhir (surah) pada bekas yang bersih dan diminum airnya oleh si lelaki selama 3 hari nescaya batal sihir itu dengan izin Allah.</p>
	<p>ومن يخرج من بيته مهاجرا ... وكان الله غفورا رحيمًا - النساء : 100</p>	<p>Ditulis ayat pada bekas yang bersih dengan minyak sapi dan dijilat oleh suami. Nescaya dengan izin Allah sihir tidak memberi bekas.</p>



<p>Ayat Pengasih</p>	<p>-</p> <p>Atas telur pertama ditulis: قال موسى ما جئتم به السحر ... لا يصلح عمل المفسدين - يوسف : 81</p> <p>Atas telur kedua: أولم يرى اللذين كفروا ان السموات و الارض ... أفلا يؤء منون - الانبياء : 30</p> <p>Atas telur ketiga: وقد منا الى ماعملوا من عمل فجعلناه هباء منثورا - الفرقان : 23</p> <p>ونزعنا ما فى صدورهم من غل او رثتموها بما كنتم تعملون - الاعراف : 43</p> <p>فان تولوا فقل حسبى الله لا اله الا هو عليه توكلت وهو رب العرش العظيم - التوبة : 129</p>	<p>Ditulis akan segala tahlil di dalam al-Quran dan di minum airnya oleh orang yang terkena sihir nescaya akan memperoleh manfaat.</p> <p>Direbus 3 biji telur hingga masak, dibuang kulitnya dan dituliskan atas telur dan kemudian telur dimakan oleh orang yang terkena sihir.</p> <p>Tulis ayat al-Quran dengan pen yang tidak berdakwat atas halwa dan dimakan oleh mereka yang bermusuhan, nescaya bermuafakatlah mereka sekalian dengan izin Allah.</p> <p>Ayat ini memalingkan hati dan boleh memberi manfaat daripada tipu daya orang yang menipu daya. Dibaca ayat ini pada tengah malam jumaat sebanyak 30 kali dan berkata pada akhir tiap setiap kali iaitu: اللهم يا رب انت حسبى على فلان ابن فلانة او فلانة بنت فلانة اعطف قلبه على او قلبها وزلله لى او زللها لى</p> <p>InsyaAllah, Allah akan memalingkan hatinya. Lafaz فلان ابن فلانة kinayah daripada nama lelaki dan ibunya yang dikehendaknya dan lafaz فلانة بنت فلانة kinayah daripada nama perempuan binti kepada ibunya. (h. 34)</p>
<p>Ubat selusuh</p>	<p>الفتاحة</p> <p>كانهم يوم يرون ما يوعدون وهدى ورحمة لقوم يؤمنون - الاحقاف : 35</p> <p>لا اله الا الله الحليم الكريم لا اله الا الله رب العرش العظيم كانهم يوم يرون ما يوعدون لم يلبثوا الا عشية او ضحيتها -</p>	<p>Ditulis surah al-fatihah dan ayat 35 surah al-Ahqaf kemudian diberi minum kepada si ibu yang hamil.</p> <p>Diriwayatkan oleh Ibn Abbas r.a: diitulis ayat Quran di dalam bekas yang bersih dan ditiupkan kepada air</p>



Terpelihara dari taun	الأحقاف : 35	dan diberi minum kepada si ibu.
Demam	<p>سلام على نوح في العالمين - الصافات : 79 سلام قولاً من رب الرحيم - يس : 58</p> <p>ذلك تخفيف من ربكم ورحمة يريد الله ان يخفف عنكم الان خفف الله عنكم - البقرة 187</p>	<p>Dibaca ayat sebanyak 3 kali.</p> <p>Ditulis ayat pada kertas dan dipakainya. Tetapi dituliskan pada permulaannya</p>
Sakit kepala.	<p>بسم الله الرحمن الرحيم كهيعص ذكر رحمة ربك عبده زكريا اذ نادى ربه نداء خفياً - مريم : 2-1</p> <p>بسم الله الرحمن الرحيم حمعسق كذ لك يوحى اليك والى الذين من قبلك الله العزيز الحكيم - الشورى : 3</p> <p>بسم الله الرحمن الرحيم كم من نعمة الله على كل عبد شاكر وغير شاكر وكم من نعمة الله على كل قلب خاشع وغير خاشع وكم من نعمة الله على كل عرق ساكن وغير اسكن ايها الوجلج بعزة من له ما سكن فى الليل والنهار وهو السميع العليم - (bukan ayat al-Quran)</p> <p>بسم الله الرحمن الم تر الى ربك كيف مد الظل ولو شاء لجعله ساكناً ثم جعلنا الشمس عليه دليلاً ثم قبضناه الينا قبضنا يسيراً - الفرقان : 46-45 و صلى الله على سيدنا محمد وعلى اله وصحبه وسلم</p>	<p>بسم الله الرحمن الرحيم dan di akhirnya hendaklah ditulis selawat ke atas nabi. Lebih baik jika ditambah ayat al-Quran: قلنا يا نار كونى بردا وسلاما وهو الغفور الرحيم - الانبياء : 69</p> <p>Ditulis ayat pada kertas dan diletakkan pada kepala yang sakit.</p> <p>Ditulis ayat pada akhir Jumaat pada bulan Ramadhan dan disimpan hingga berhajat.</p>
Sakit hati	<p>بسم الله خير الاسماء بسم رب الارض والسماء بسم الله الذى بيده الشفاء بسم الله الذى لا يضر مع اسمه سم ولا داء بسم الله فى السماء وهو السميع العليم (bukan ayat al-Quran)</p>	<p>Letak tangan atas kepala si sakit dan dibaca doa ini. Diulang baca 3 kali atau 7 kali. InsyaAllah sembuh dengan izin Allah.</p>
Menghentikan darah yang keluar.	<p>ونزعتنا ما فى صدورهم من غل تجرى بما كنتم تعلمون - الاعراف : 43</p>	<p>Tulis ayat pada bekas yang baru daripada tanah dengan koma-koma dan air mawar dan satukan dengan air yang suci dan diminum.</p>



<p>Sakit gigi.</p>	<p>بسم الله الرحمن الرحيم بسم الذي لا يضر مع اسمه شيء في الارض ولا في السماء وهو السميع العليم بسم الله شفاء من كل داء وقيل يا ارض ابلعي ماءك يا سماء افعلي وغيض الماء وقضى الامر واستوتت على الجودي وقيل بعد القوم الظالمين فسبيكم الله وهو السميع العليم (bukan ayat al-Quran)</p> <p>لكل نداء مستقر – الانعام : 67</p>	<p>Untuk menghentikan darah yang keluar itu, diambilkan secarik kain yang bersih dan dituliskan padanya doa ini dan digantungkan di lengan orang yang keluar darah itu.</p> <p>Ditulis ayat pada kertas kecil dan dimasukkan pada lubang gigi yang sakit semasa ia sakit.</p>
<p>Sakit mata</p>	<p>بسم الله الرحمن الرحيم كهيعص حمعسق لا اله الا هو رب العرش العظيم أسكن ايها الوجع بالذى ان شاء يسكن الريح فيظللن رواكد على ظهره وله ما سكن فى الليل والنهار وهو السميع العليم (bukan ayat al-Quran)</p> <p>اذهبوا بقميصى هذا فالقوه على وجه أبى يأتى بصيرا – يوسف : 93 فكشفتنا عنك غطاءك فبصرك اليوم الحديد – سورة ق : 22</p>	<p>Diceritakan oleh al-Ghazzali dalam kitab <i>Khawas al-Qur'an</i> : seorang lelaki dari Basrah menjampi seorang yang sakit geraham mengajar jampinya waktu ia hampir mati.</p> <p>Dituliskan ayat dan dipakaikan kepada si sakit.</p>
<p>Menghentikan pendarahan hidung.</p>	<p>مرحبا يا حبيبي وقرّة عينى محمد صلى الله عليه وسلم</p>	<p>Berkata Nabi Khidir “siapa yang mengucup dua ibu tangan dan sapu keduanya atas dua matanya dan dibacanya doa, insyaallah selamatlah ia daripada sakit mata”.</p>
<p>Dirasuk syaitan.</p>	<p>Doa yang ditulis dan dibaca: ان الله يمسك السموات والارض أن تزولا ولن زالتا ان امسكهما من احد من بعده انه كان حلما غفورا وقيل يا ارض ابلعي ماءك ويا سماء اقلعي وغيض الماء (bukan ayat al-Quran)</p>	<p>Tuliskan doa dan letakkan pada kepala orang yang berdarah hidung sambil membaca ايها الرعاف بحق الواحد القهار العزيز الجبار Dan letakkan tangan di atas kepala si sakit sambil membaca ayat yang telah ditulis tadi dan sebutkan kemudian: كف ايها الرعاف بحق الواحد القهار العزيز الجبار</p> <p>Dibacakan surah al-fatihah, ayat kursi dan 5 ayat daripada awal surah al-Jin (قل اوحى الى انه استمع نفر من الجن) hingga pada air yang bersih kemudian dipercikkan ke muka orang yang dirasuk syaitan itu. Nescaya ia akan sedar dengan izin Allah.</p>



<p>Ayat-ayat Syifa'</p>	<p>ويشفي صدور قوم مؤمنين ويذهب غيظ قلوبهم -</p> <p>يا ايها الناس قد جأتكم موعظة من ربكم وشفاء لما في الصدور وهدى ورحمة للمؤمنين - يونس : 57</p> <p>يخرج من بطونها شراب مختلف الوانه فيه شفاء للناس - النحل : 69</p> <p>ونزل من القران ما هو شفاء ورحمة للمؤمنين - الاسراء : 82</p> <p>الذي خلقني فهو يهدين والذي هو يطعمني ويشفن -</p> <p>واذا مرضت فهو يشفين - قل هو للذين امنوا الهدى وشفاء - الشعراء : 80</p> <p>ولو جعلناه قرآنا اعجميا لقالوا لولا فصلت آياته ... من كان بعيد - فصلت : 44</p> <p>قتلوهم بعد بهم الله بايديكم ويخزهم وينصركم عليهم و يشف صدور قوم مؤمنين - التوبه : 14</p>	<p>Azan pada telinga kanan dan qamat pada telinga kiri orang yang dirasuk. Insyallah orang itu akan sadar.</p> <p>Untuk mengeluarkan jin dari badan seseorang yang dirasuk, maka diazankan pada telinga kanan 7 kali dan dibaca pada pesakit surah al-fatihah, <i>qula`uzu</i>, ayat kursi, <i>والسما والطارق</i>, akhir surah <i>al-hasyr</i> dan <i>al-saffat</i>, maka syaitan itu akan terbakar seolah-olah di dalam api.</p> <p>Sesiapa yang membaca pada solat subuh, pada rakaat pertama dibaca <i>الم نشرح</i> dan pada rakaat kedua dibaca surah <i>الفيل</i> nescaya tidak sampai kepadanya tangan orang zalim, tidak melihat kejahatan dan terpelihara dari kejahatan.</p> <p>Diceritakan oleh Syeikh Abi al-Qasim al-Qusyairi bahawa ia bermimpi bertemu dengan Rasulullah SAW dan bertanya apa hajatnya. Maka ia menceritakan keadaan anaknya yang sakit lantas baginda bersabda : "Dimana engkau akan ayat-ayat syifa'." Apabila terjaga Imam Qusyairi terus membuka al-Quran dann bertemu dengan 6 ayat-ayat syifa' ini.</p> <p>Terdapat daripada orang-orang soleh berkata bahawa ayat-ayat syifa' dapat menyembuhkan daripada penyakit dengan izin Allah. Caranya dengan menulis ayat-ayat syifa dan disatukan dengan air dan diminum airnya.</p>
-------------------------	--	--

--	--	--

TEKNIK-TEKNIK RUQYAH BERDASARKAN KITAB *MUJARROBAT AL-FAWA'ID*.

Berdasarkan kepada kitab *Mujarrobot, I-Fawa'id*, teknik-teknik ruqyah yang dapat disimpulkan adalah sebagaimana berikut:

1. Dibaca ayat al-Quran atau doa kepada pesakit
2. Dibaca ayat al-Quran pada air bersih dan dipercikkan ke muka orang yang dirasuk.
3. Dikucup pada ibu tangan dan disapu pada mata serta dibacakan doa.
4. Dibuat azimat dan dipakai.
5. Diletak tangan pada tempat sakit dan dibacakan doa.
6. Ditulis doa pada bekas yang bersih dan diminum airnya.
7. Ditulis ayat al-Quran atau doa pada makanan dan kemudiannya dimakan.
8. Ditulis dengan minyak sapi pada bekas yang bersih dan dijilat.
9. Ditulis ayat al-Quran dan doa pada kertas dan dipakai.
10. Ditulis ayat al-Quran pada kertas dan diletakkan di kepala pesakit.
11. Ditulis ayat al-Quran dan diletakkan pada kepala yang berdarah serta dibacakan ayat.
12. Ditulis dengan menggunakan koma-koma dan air mawar dan tiupkan pada air suci dan diminum.
13. Ditulis pada secarik kain dan digantungkan pada lengan.
14. Ditulis pada kertas kecil dan dimasukkan pada gigi yang berlubang.
15. Diazan pada telinga kanan dan diqamat pada telinga kiri orang yang dirasuk.
16. Dijampi

PERBINCANGAN

1. Penggunaan ruqyah beserta dengan air.

Penggunaan air yang diruqyahkan biasanya untuk tujuan minum dan mandi. Memberi pesakit minum air yang dibacakan ruqyah adalah merupakan salah satu daripada pendekatan yang disarankan oleh al-Quran dan al-Hadis (Khadher Ahmad, Ishak Hj. Sulaiman, 2012). Dalam al-Quran, Allah SWT telah memerintahkan nabi Ayyub a.s agar minum serta mandi menggunakan air yang terpancar selepas baginda menghentakkan kaki. Firman Allah Taala dalam surah Sad: 41-42 yang bermaksud:

Dan (ingatkanlah peristiwa) hamba kami: Nabi Ayub ketika dia berdoa merayu kepada Tuhannya dengan berkata: "Sesungguhnya aku diganggu oleh syaitan dengan (hasutannya semasa aku ditimpa) kesusahan dan azab seksa



(penyakit)". (Maka Kami kabulkan permohonannya serta Kami perintahkan kepadanya): "Hentaklah (bumi) dengan kaki mu" (Setelah ia melakukannya maka terpancarlah air, lalu Kami berfirman kepadanya): "Ini ialah air sejuk untuk mandi dan untuk minum (bagi menyembuhkan penyakitmu zahir dan batin)".

Daripada hadis pula, Nabi SAW telah membantu merawat seorang kanak-kanak yang tidak boleh bercakap. Berkemungkinan kanak-kanak tersebut telah diganggu oleh syaitan. Air digunakan untuk minum dan sapu.

فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ انْتُونِي بِشَيْءٍ مِنْ مَاءٍ فَأَتَيْتُ بِمَاءٍ فَغَسَلْتُ يَدَيْهِ وَمَضْمَضَ فَأَهْ نَمَّ
أَعْطَاهَا فَقَالَ اسْقِيهِ مِنْهُ وَصَبِّي عَلَيْهِ مِنْهُ وَاسْتَشْفِي اللَّهُ لَهُ قَالَتْ فَلَقِيْتُ الْمَرْأَةَ فَقُلْتُ لَوْ وَهَيْتَ لِي مِنْهُ
فَقَالَتْ إِنَّمَا هُوَ لِهَذَا الْمُتَبَلَّى قَالَتْ فَلَقِيْتُ الْمَرْأَةَ مِنَ الْحَوْلِ فَسَأَلْتُهَا عَنِ الْغُلَامِ فَقَالَتْ بَرَأَ وَعَقَلَ عَقْلًا
لَيْسَ كَعُقُولِ النَّاسِ

Maksudnya:

Sabda Rasulullah SAW: "Bawakan kepadaku mana-mana air." Maka dibawakan (kepada Rasulullah SAW) air, lalu baginda membasuh tangan dan berkumur, dan diberikan kepada wanita tersebut. Sabda baginda: "Berikan anak itu minum sebahagian daripadanya (air tadi), dan tuangkan (sapukan) anak itu. Semoga dengan itu disembuhkan Allah."

(Riwayat Ibn Majah)

Demikian juga telah sabit di dalam kehidupan generasi salaf al-salih amalan membacakan ayat-ayat al-Quran ke atas air, lalu air tersebut dijadikan minuman ataupun air mandian bagi mereka yang sakit. Demikian juga harus untuk membacakan ayat-ayat al-Quran ke atas bahan-bahan seperti minyak atau makanan. Ataupun dituliskan ayat-ayat al-Quran ke atas kertas sama ada ditulis dengan menggunakan za'faran ataupun dakwat atau pada air, lalu air digunakan sebagai minuman atau air mandian dengan alasan bahawa kesemuanya termasuk di dalam pengertian ucapan Nabi SAW: "Tidaklah mengapa untuk meruqyah (menjampi) selagi mana ianya tidak mengandungi unsur-unsur syirik." (Ibn Qayyim, 1992, al-Nawawi, t.t., Rushdi Ramli, 2003: 66-67) Walau bagaimanapun, Imam Ahmad memakruhkan perbuatan mandi dengan air yang dibacakan dengan ayat-ayat al-Quran. Ini kerana kebiasaannya air mandian akan mengalir ke tempat yang tidak baik sedangkan kita berkewajipan untuk memelihara kesuciannya.

Menulis ayat-ayat al-Quran pada bekas dan kemudian dilarutkan atau dibasuh dengan air untuk diminum bagi tujuan rawatan dan sebagainya dikenali sebagai kaedah Pinggan Putih (Mohd Aizam bin Mas'od, 2013: 432). Menurut Al-Nawawi bahawa perbuatan tersebut tidak menjadi suatu kesalahan di dalam mazhab al-Syafii. Begitu juga pandangan tabiin seperti Hasan al-Basri, Abu Qilabah dan al-Auza'ie. Demikian juga pandangan al-Qadhi Husain dan al-Baghawi. Pendapat di atas turut dipersetujui oleh Ibn Taymiah (t.t: 64-65. Jld. 19). Sementara itu keputusan Jawatankuasa Tetap bagi Penyelidikan Ilmiah dan Fatwa Kerajaan Arab Saudi juga berpandangan adalah harus menulis ayat al-Quran ke atas apa-apa bahan yang suci seperti kertas dan sebagainya dan kemudian dibasuh serta dibuat minum.

2. Penggunaan azimat daripada ayat al-Quran atau doa yang ma'tsur daripada Rasulullah SAW.

Menurut Kamus Dewan azimat merupakan bahan yang terdiri daripada tulisan yang ditulis pada kertas, kain, keratan kayu tertentu yang dipakai pada bahagian tertentu tubuh yang dianggap mempunyai sakti dan boleh mengelakkan peyakit atau bencana dan sebagainya (Noresah Baharom, 2013:96). Berhubung dengan azimat, Nabi SAW telah bersabda:

إِنَّ الرُّقَى وَالتَّمَائِمَ وَالتَّوَلَةَ شِرْكٌ

Maksudnya:

“Sesungguhnya jampi, azimat dan tiwalah adalah syirik”

(Riwayat Abu Daud)

Berpandukan kepada hadis di atas, umat Islam secara umumnya menerima bahawa pemakaian azimat adalah haram disisi Allah kerana perbuatan tersebut boleh membawa kepada syirik. Walau bagaimanapun, para ulama berbeza pendapat tentang azimat yang mengandungi nama-nama Allah, ayat-ayat al-Quran serta doa-doa yang ma`tsur. Bagi golongan yang mengharuskannya seperti Imam Malik dan sebahagian ulama Syafii, hujah yang dipegang adalah perbuatan tersebut pernah dilakukan oleh seorang sahabat bernama Abdullah Ibn Amr yang pernah menulis satu doa dan digantung oleh anaknya yang masih belum baligh.

Terdapat juga ulama yang mengharamkan penggunaan azimat walaupun yang bertulis ayat-ayat al-Quran atau doa yang ma`tsur seperti Ibn Mas`ud, Ibn Abbas, Huzaifah, Uqbah Ibnu `Amir dan pengikut mereka dari kalangan tabiin. Hujah mereka ialah apa yang dilakukan oleh Ibn Amr tidak dilakukan oleh sahabat-sahabat yang lain. Ianya juga dilakukan untuk anaknya yang masih kecil dan tidak mampu menghafal atau membaca al-Quran, sedangkan untuk yang dewasa tidak begitu (Mahyuddin Ismail. 2012). Selain daripada hujah tersebut, terdapat beberapa hujah yang lain (Mohd Hairi Nonchi, 2013) antaranya:

- a. Rasulullah SAW tidak pernah melakukan hal tersebut selama 23 tahun baginda berdakwah. Baginda hanya membuat rawatan dengan pelbagai jenis ruqyah. Bagaimanapun parahnya suatu penyakit, baginda tidak pernah menggantungkan sesuatu dari al-Quran atau hadis pada tubuh orang yang sakit.
- b. Menurut Syeikh Salim bin `led al-Hilali atsar daripada `Abdullah bin `Amr yang dijadikan hujah keharusan azimat daripada al-Quran adalah tidak sah sehingga dapat dijadikan hujah. Apatah lagi perbuatan itu bercanggah dengan hadis Rasulullah yang melarang pemakaian tangkal azimat serta sikap para sahabat yang membenci segala macam jenis tangkal.
- c. Mengikut kaedah *sad al-zara`i*. Agar orang tidak sulit membezakan antara azimat syirik dengan ruqyah al-Quran. Apabila terkeliru, tidak aka ada orang yang mengingkari azimat-azimat syirik itu.
- d. Menggantungkan ayat-ayat al-Quran pada orang dewasa, kanak-kanak dan kaum wanita adalah perbuatan yang merendahkan Kalamullah dari beberapa sisi, antaranya:
 - i. Dia tidur di atas ayat-ayat al-Quran dan berbolak-balik (ketika tidur) di atasnya.
 - ii. Dia masuk ke bilik mandi dalam keadaan tetap memakainya.
 - iii. Terdapat suami yang mendatangi isterinya dengan al-Quran masih tergantung padanya, sama ada dia ingat atau lupa.
 - iv. Terkadang, pelindung daripada al-Quran ini di letakkan pada ketiak, pusat, kedua paha dan sebagainya dari tempat-tempat yang tidaksepatutnya.
 - v. Adanya kotoran tubuh berupa keringat dan kotoran lainnya pada orang yang menggantungkan al-Quran ditubuhnya.

Manakala hasil Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke 40 yang bersidang Kali Ke-40 yang bersidang pada 9 Ogos 1996 telah membincangkan Khurafat Dan Azimat Menurut Perspektif Islam. Antara yang dipersetujui ialah:

- a. Azimat ialah satu bentuk permohonan untuk mendapatkan pertolongan atau bantuan bagi manfaat diri sendiri atau untuk memudharatkan orang lain dengan menggunakan objek-objek dan ayat-ayat tertentu yang dianggap mempunyai kesaktian dan kuasa ghaib yang melampaui kekuatan semula jadi apabila dijumpi atau dipuja.
- b. Amalan penggunaan azimat atau tangkal sebagai pelindung diri seperti ilmu kebal, ilmu pengasih, ilmu pelemah hati, ilmu penjauh jin dan sebagainya yang dicampuradukkan dengan sihir adalah syirik dan menyeleweng dari ajaran Islam (<http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/khurafat-dan-azimat-menurut-perspektif-islam>).

Justeru penulis berpandangan, sebagai langkah *sad al-zara`i*, berpegang kepada pandangan yang tidak mengharuskan penggunaan tangkal daripada ayat-ayat al-Quran adalah lebih selamat bagi orang Islam. Sememangnya Al-Quran itu adalah sebagai penyembuh bagi umat Islam sebagaimana firmanNya dalam surah yang bermaksud:

“Dan Kami turunkan daripada al-Quran sebagai penyembuh bagi orang-orang mukmin”

Walau bagaimanapun al-Quran adalah untuk dibaca dan diamalkan. Bukan sebagai hiasan semata-mata.

3. Adakah ruqyah itu perkara tauqifiyyah?

Tauqifiyyah bermaksud tetap atau tidak boleh diubah. Terdapat banyak ruqyah, doa dan zikir yang diajar oleh Rasulullah SAW sama ada daripada ayat-ayat al-Quran ataupun hadis. Ada ruqyah atau zikir yang Rasulullah telah tetapkan bilangan bilangan, masa dan caranya. Untuk ruqyah jenis ini, kita tidak dibenarkan untuk mengubah, sama ada menambah atau mengurangnya. Umpamanya zikir pagi sahaja, zikir petang sahaja, zikir pagi dan petang, bilangannya 3 kali, 7 kali atau 10 kali, dibaca menjelang tidur dan mengusap tangan ke seluruh badan. Tetapi jika terdapat ruqyah yang pernah dicuba oleh seseorang selain yang diajar Rasulullah SAW dan ternyata berkesan atau berguna untuk tujuan pengubatan, maka ia dibenarkan oleh syariat Islam atas sebab (Dr. Abdullah Yasin, 2013: 243-244):

- a. Rawatan melalui ruqyah termasuk dalam perubatan tradisional sama seperti pengubatan melalui herba. Kewujudan ubat-ubatan herba kebanyakannya berdasarkan pengalaman atau percubaan sehingga memberi manfaat bagi manusia. Ia tidak semestinya terikat dengan ketetapan Rasulullah SAW.
- b. Rasulullah SAW pernah menyuruh para sahabat agar membacakan ruqyah yang diamalkannya pada zaman jahiliah. Baginda SAW tidak melarang pengamalannya selama ia tidak mengandungi unsur-unsur syirik.

KESIMPULAN

Kitab dan manuskrip hasil penulisan ulama silam amat wajar terus dikaji dan dibaca. Ianya merupakan khazanah bangsa yang kaya dengan ilmu dan pengajaran. Walau bagaimanapun, isi kandungannya perlu dirujuk kepada yang lebih arif sebelum ianya diamalkan kerana adakalanya ianya mungkin menimbulkan polemik. Aqidah, syariah dan juga akhlak perlu menjadi pertimbangan umat Islam dalam sebarang urusan. Meskipun ada pandangan yang mengharuskan umat Islam menggunakan azimat daripada al-Quran atau doa-doa yang ma'tsur daripada Nabi SAW, namun umat Islam perlu berhati-hati. Mereka tidak perlu menjerumuskan diri ke lembah syirik semata-mata mengharapkan keuntungan duniawi seperti kelarisan dalam perniagaan atau kesembuhan daripada penyakit.

RUJUKAN

Abang Sufri Mahmud bin Abang Usop. (2015). *Ruqyah Shar'iyah dari Neraca Al-Qur'an & As-Sunnah*. Johor Darul Takzim: Perniagaan Jahabersa.

Abdullah Yasin. (2013). *Perangi Syirik Sucikan Aqidah Mantapkan Syahadah*. Selangor: Grup Buku Karangkrif Sdn. Bhd.

Al-Nawawi. (t.t). *Kitab al-Majmu` Sharh al-Muhazzab li al-Syirazi*. Juz 9. Jeddah: Maktabah Al-Irsyad.

Hj. Wan Mohd Shaghir Abdullah. (1410H). Syed Ahmad bin Syed Mohamed al-Idrus (Tokku Melaka). *Dakwah*. JamadilAkhir 1410H.

Ibn Faris. (1999). *Mu`jam Maqayis al-Lughah*. Beirut: Da al-Kutub al-Ilmiyyah.

Ibn Qayyim al-Jawziyyah. (1992). *Zad al-Ma`ad fi Hadyi Khair al-`Ibad*. Jil 4. (tahqiq, takhrij dan ta`liq : Shuaib & `Abd al-Qadir al-Arna`u). Beirut: Muassasah al-Risalah.

Ibn Taymiyah. *Majmu` Fatawa Shaykh al-Islam*. Jil. 19

Ibrahim Mustafa, Hamid Abd al-Qadir, Muhammad Hussein al-Ziyat, Muhammad `Ali al-Najjar. (t.t). *Al-Mu`jam al-Wasit*. Juz 1. Istanbul, Turki: al-Maktabah al-Islamiyah.

Mohd Aizam bin Mas'od. (2013). *Diskusi Isu Aqidah dan Pemikiran Islam Semasa di Malaysia*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Muhammad Muhsin Khan. (t.t). *Sahih Bukhari Arabic-English*. Vol. VII. Dar al-Fikr.

Rushdi Ramli. (2003). *Azimat, Jampi, Sihir dan Berubat Menurut Islam*. Petaling Jaya: Intel Multimedia and Publication.

Adel Muhammad Abdul Aziz dan Syed Ahmad Tarmizi Syed Omar, *Sayyid Ahmad bin Muhammad al-Aydarus (Tok Ku Melaka) dan Metod Penulisan dalam Kitab Tanbih Al-Ghafilin bi Bayan Shay'in Fada'il Aali Sayyid al-Mursalin*. Seminar Ketokohan dan Pemikiran Ulama Melayu, 15-17 April 2006. Anjuran Bersama: Fakulti Pengajian Islam, UKM dan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.

Khadher Ahmad, Ishak Hj. Sulaiman. (2011). *Realiti dan Cabaran dalam Rawatan Islam : Analisis Hadith-Hadith tentang Pendekatan dan Kaedah Rawatan Nabi SAW Merawat Penyakit Sihir*. Seminar Antarabangsa Sunnah Nabawiah: Realiti dan Cabaran Semasa.



Mohd Affandi bin Mohd Shafri. (2013). *Kedudukan Kitab Mujarrobat al-Fawaid Sebagai Satu Karangan Perubatan Melayu*. Seminar Serantau Kajian Manuskrip Melayu dan Kearifan Tempatan.